

05/09/1997

771 syarikat mohon tender CRFP

SEJUMLAH 771 syarikat sudah membeli permohonan tender cadangan konsep (CRFP) untuk bergiat dalam empat projek perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Empat daripada tujuh projek perdana yang dibuka tawaran CRFP oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu adalah kerajaan elektronik, kad pintar pelbagai guna, sekolah pintar dan teleperubatan.

Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata angka itu diperolehi sehingga 28 Ogos lalu adalah sebahagian daripada 4,031 pengambilan dokumen daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

(END)